



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)
PEJABAT UNDANG-UNDANG
ARAS 2, PODIUM 2, WISMA TANI, 4G2
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.



Telefon : 03-8870 4000
1MOCC : 03-8000 8000
Faks (Undang-undang) : 03-8889 2180
Faks (Ketua Pengarah) : 03-8889 2460
<http://www.dof.gov.my>
hahelo@dof.gov.my

SEGERA DENGAN FAKS & POS

Ruj. Kami : Prk.ML.T440/2014 ()

Tarikh : 10 Disember 2014

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Tuan,

**MENGGANTUNG LESEN VESEL PUKAT TUNDA PKFA 8757
SELAMA SATU (1) TAHUN DI BAWAH SEKSYEN 13 AKTA PERIKANAN 1985**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan kes tangkapan PS70/C/43/2014/L pada 1 Disember 2014 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, vesel pukat tunda yang didapati mencero boh zon A serta kurang dari 5 batu nautika dari pantai telah dipersetujui untuk dikenakan kompaun, tindakan gantung lesen dan hilang kelayakan pindah milik selama lima (5) tahun. Justeru, vesel pukat tunda **PKFA 8757** telah dikenakan tindakan seperti berikut;

- 2.1. **KESALAHAN:** Mengendali atau membenar dikendalikan vesel penangkapan ikan tempatan bagi maksud menangkap ikan dengan melanggar syarat lesen [Sek. 8(b) AP1985] – Menangkap ikan menggunakan pukat tunda di kawasan kurang 5 batu nautika (3.8 b.n.) dari Rumah Api, Pulau Talang, Perak.

KEPUTUSAN: Tawaran Kompaun RM 3,000.00 terhadap pemilik vesel serta lesen digantung selama satu (1) tahun.

- 2.2. **KESALAHAN:** Mengendali atau membenar dikendalikan vesel penangkapan ikan tempatan bagi maksud menangkap ikan dengan melanggar syarat lesen [Sek. 8(b) AP1985] – Mempunyai dalam milikannya saiz mata pukat di bahagian keroncong kurang dari 38 mm (33 mm) ukuran tegang.

KEPUTUSAN: Tawaran Kompaun RM 500.00 terhadap pemilik vesel (Butiran 2.7.1 BKK 1993)

- 2.3. **KESALAHAN:** Mengendali atau membenar dikendalikan vesel penangkapan ikan tempatan bagi maksud menangkap ikan dengan melanggar syarat lesen [Sek. 8(b) AP1985] – Tidak mengusahakan sendiri.

KEPUTUSAN: Amaran bertulis terhadap pemilik vesel (Butiran 2.6.1 BKK 1993)

- 2.4. **KESALAHAN:** Menggunakan lesen / permit orang lain [Sek. 14(4)(b) AP1985]

KEPUTUSAN: Amaran bertulis terhadap setiap OKT (Arahan KPP- Prk.ML34/56 Jld.8(27)-20.3.1993)

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI



*Sema ke
OK
Siti melalui
di hadapan
rebut.
JF-07/12*

2.5. Jumlah Kompaun: RM 3,500.00 (RM : Tiga Ribu Lima Ratus Sahaja)

2.6. **BARANG KES** : Hendaklah dikembalikan kecuali wang lelong ikan dilucut hak serta lesen digantung selama satu (1) tahun dan set lengkap peralatan pukot tunda dilucut hak. Pindah milik lesen vesel ini adalah tidak dibenarkan selama lima (5) tahun. (*Rujuk Pekeliling Penguatkuasaan Bagi Hukuman Menceroboh Dalam Kawasan Lima (5) Batu Nautika Dari Pantai Bagi Vesel Pukat Tunda melalui surat bernombor rujukan Prk. ML. 08/35-22(37) bertarikh 7 Julai 2014*).

2.7. **REKOD KESALAHAN** : Kali Pertama

3. Keputusan para 2 di atas telah pun diedarkan melalui faks kepada Pegawai Penyiasat kes ini untuk dimaklumkan kepada pemilik vesel dengan kadar segera.

4. Sehubungan itu, pihak tuan diminta untuk menggantung lesen vesel tersebut selama satu ~~(1) tahun~~ **berkuat kuasa** dari tarikh tangkapan vesel tersebut mulai **1 Disember 2014 hingga 30 November 2015** selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 13 Akta Perikanan 1985. **Kegagalan pemilik vesel mematuhi arahan ini boleh mengakibatkan lesen vesel tersebut dibatalkan.**

5. Dipohon pihak tuan memaklumkan juga kepada agensi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi menahan subsidi diesel terhadap vesel tersebut sepanjang tempoh penggantungan lesen selaras dengan keputusan mesyuarat bersama YB. Dato' Timbalan Menteri Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia pada 9 November 2012.

Sekian, untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya dan atas kerjasama tersebut diucapkan ribuan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"JIHAD MEMERANGI ORANG TENGAH"

Saya yang menurut perintah,



YBhg. DATUK HAJI ISMAIL BIN ABU HASSAN
Ketua Pengarah Perikanan
Jabatan Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k.



- i) Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber
- ii) Pengarah Bahagian Perlindungan Sumber
- iii) Penasihat Undang-undang
- iv) Pegawai Penyiasat Kes